

Buku pengalaman diplomasi dilancarkan

KUALA LUMPUR 3 Mei - Pengalaman serta cabaran dihadapi individu yang bertugas sebagai diplomat di negara luar telah dibukukan dan dilancarkan hari ini bertujuan memberi pendedahan kepada bakal diplomat serta masyarakat umum berhubung pengalaman dilalui mereka.

Buku bertajuk *Malaysian Diplomats: Our Stories Volume 1* itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Luar, A. Kohilan Pillay di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), di sini hari ini.

Kohilan dalam ucapannya berkata, pengalaman yang diterima oleh para diplomat itu tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja tanpa direkod atau dikongsikan bersama.

"Oleh itu, penghasilan buku ini pasti akan membantu bakal-bakal diplomat mengetahui kehidupan dan cabaran yang bakal dihadapi semasa melaksanakan tugas mereka.

"Selain bermanfaat untuk diplomat baru, buku ini juga memberi peluang kepada masyarakat umum mengetahui lebih lanjut mengenai tugas dan cabaran yang dihadapi oleh perwakilan Malaysia ini," katanya.

Buku tersebut mengandungi 10 artikel hasil tulisan diplomat Malaysia yang terdahulu dan semasa, antaranya Datuk Hamidon Ali, Datuk Lily Zachariah dan Datuk Khor Eng Hee.

Ketua Pengarah IDFR, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari berharap, dengan pelancaran buku ini dapat membantu para diplomat sedia ada serta baru menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin.

"Terdapat banyak saat suka dan duka yang perlu dilalui oleh seseorang diplomat, jadi saya berharap dengan adanya buku seperti ini, sedikit-sebanyak dapat menjadi rujukan kepada pihak terbabit dalam melaksanakan tugas," jelasnya.